

Tindakan rosakkan negara sendiri derhaka: Dr Mahathir

BH 5 MAR 2001

PUTRAJAYA, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menyifatkan, tindakan akhbar Internet, Malaysiakini.com menerima pembiayaan asing untuk merosakkan negara sendiri adalah perbuatan penderhaka.

"Kita dah tahu lama dah. Orang yang sayang Malaysia takkan sokong Malaysiakini. Dulu orang panggil pengkhianat, sekarang ini pengkhianat pun dah dapat penghormatan, disanjung tinggi.

"Orang ini memanglah menderhaka, menyuruh orang asing merosakkan negara sendiri, orang ini mengaku orang Malaysia, orang Malaysia apa?" katanya kepada pemberita selepas melancarkan Hari Landskap Negara, di Dataran Putra, di sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas pendedahan bekas Editor Berita gerbang itu, Chong Yen

Long, bahawa Malaysiakini menerima RM188,000 daripada Media Development Loan Fund (MDLF), yang dipercayai antara lain dibiayai spekulator mata wang, George Soros.

Chong, Jumaat lalu dipetik sebagai berkata, perkara mengenai pembiayaan itu pernah disebut oleh Ketua Pegawai Eksekutif Malaysiakini, Premesh Chandran, pada satu mesyuarat syarikat itu 17 Februari lalu.

Premesh bagaimanapun, dilaporkan menafikan dakwaan itu.

Dr Mahathir berkata, beliau sudah lama membangkitkan soalan dari mana Malaysiakini mendapat wang untuk operasi dan ia sudah tentu ada orang yang membiayainya.

"Kini terang... tu yang kita dengar. Tidak tahulah, dia kata Soros bagi tidak banyak, siapa yang banyak," katanya.